

14 FEB 2000

Parlimen-Rasmi

AGONG RASMI MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA PARLIMEN KE-10

KUALA LUMPUR, 14 Feb (Bernama) --Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah hari ini merasmikan Mesyuarat Pertama Penggal Kedua, Parlimen Kesepuluh di Bangunan Parlimen.

Keberangkatan tiba Seri Paduka Baginda yang diiringi Tuanku Siti Aishah disambut oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Speaker Dewan Rakyat Tun Mohamed Zahir Ismail dan Yang Dipertua Dewan Negara Tan Sri Mohamed Ya'acob.

Setelah Seri Paduka Baginda berdua naik ke pentas diraja, kawalan kehormatan yang terdiri daripada empat pegawai dan 103 anggota lain-lain pangkat dari Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja, diketuai Mej Abdul Basit Abdul Rahman, menyembahkan "Hormat Diraja."

Lagu kebangsaan "Negaraku" dimainkan oleh pasukan pancaragam yang diketuai oleh Mej Jaafar Yusoff dan 60 anggota dari Kor Armor Diraja, Kem Sunggala, Port Dickson, dan disusuli dengan tembakan meriam sebanyak 21 das oleh Pasukan 41 Bateri, Rejimen Artileri Diraja, Kem Sungai Buloh.

Pasukan Rejimen Artileri Diraja yang terdiri daripada tiga pegawai dan 58 anggota itu diketuai oleh Mej Safian Mat Sharif.

Sultan Salahuddin kemudian turun dari pentas diraja dan memeriksa kawalan kehormatan. "Hormat Diraja" dan "Negaraku" kemudian dipersembahkan untuk kali kedua.

Seri Paduka Baginda berdua kemudian masuk ke Bilik Rehat Diraja sementara menunggu acara seterusnya diadakan.

Sultan Salahuddin dan Tuanku Siti Aishah dengan diringi Bentara-bentara Mesyuarat - pembawa cokmar, kemudiannya memasuki Dewan Rakyat untuk menyampaikan titah ucapan bagi merasmikan persidangan kedua-dua dewan.

Selain daripada anggota kedua-dua dewan, istiadat pembukaan majlis Penggal Kedua ini juga dihadiri oleh ketua-ketua perwakilan asing.

--BERNAMA

TM RHM